



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

---

## PEKELILING PENDAFTAR

---

Bilangan 10 Tahun 2021

**TAWARAN PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN KENAIKAN PANGKAT  
STAF PENTADBIRAN BAGI KUMPULAN PELAKSANA  
DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
TAHUN 2021**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk mempelawa staf pentadbiran Kumpulan Pelaksana di Universiti Teknologi MARA yang sedang berkhidmat dan memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk memohon jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan.

**LATAR BELAKANG**

2. Setiap skim perkhidmatan ada menyatakan dengan jelas syarat-syarat kenaikan pangkat. Seseorang staf yang ingin memohon jawatan kenaikan pangkat seperti yang diiklankan perlulah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- i. Disahkan ke dalam perkhidmatan;
- ii. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 80% untuk tiga (3) tahun kebelakang;
- iii. Diperaku oleh Ketua Perkhidmatan/Jabatan;
- iv. Bebas dari hukuman tatatertib/jenayah;
- v. Telah menandatangani Surat Aku Janji;
- vi. Telah mengisytiharkan harta (termasuk setiap lima (5) tahun); dan
- vii. Telah memenuhi empat puluh dua (42) jam latihan untuk tempoh satu (1) tahun ke belakang.

3. Jawatan-jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan adalah seperti dalam Lampiran 1.

## **PELAKSANAAN**

4. Tatacara permohonan adalah seperti yang berikut:
  - i. Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui sistem e-Kenaikan Pangkat dengan melayari laman web UiTM di <http://www.uitm.edu.my> dan seterusnya mendaftar (Login ID) di Portal i-Staf.
  - ii. Permohonan yang tidak lengkap dianggap tidak memenuhi syarat dan akan ditolak serta merta.
  - iii. Sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat yang tidak benar, kenaikan pangkat akan ditarik balik dan pemohon boleh dikenakan tindakan tatatertib.
  - iv. Hanya pemohon yang telah disenarai pendek akan dipanggil untuk sesi temu duga dan pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh tutup permohonan dianggap tidak berjaya. Keputusan penyenaraian pilih adalah muktamad tanpa melibatkan sebarang bentuk rayuan daripada mana-mana pihak berkepentingan.
  - v. Penempatan bagi calon berjaya adalah tertakluk kepada Surat Kelulusan Perjawatan dan juga keputusan pihak pengurusan universiti. Pihak pengurusan universiti berhak menentukan penempatan bagi calon berjaya/simpanan mengikut keperluan, di mana ianya adalah muktamad tanpa melibatkan sebarang bentuk rayuan daripada mana-mana pihak berkepentingan.
  - vi. Tarikh tutup permohonan adalah pada 21 April 2021.  
(Permohonan yang diterima selepas tarikh ini tidak akan diproses)

## **TARIKH DIKELUARKAN**

5. Pekeliling dikeluarkan pada 07 April 2021.

## **TARIKH KUATKUASA**

6. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 07 April 2021.



**HAJI MUHAMAD NIZAM BIN NOORDIN**  
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit  
Semua Dekan  
Semua Rektor UiTM Cawangan

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)  
No Siri : 100-BPD(Bil. 10/2021)

**Kumpulan Pelaksana I:**

Bil	Jawatan	Gred	Penempatan	Jumlah Kekosongan	Kategori Staf Yang Layak Memohon	Rujukan (Muka Surat)
1.	Ketua Penolong Jurutera	JA40	Universiti Teknologi MARA Shah Alam / Cawangan	1	UiTM seluruh sistem	4

1. i. Jawatan : Ketua Penolong Jurutera

ii. Gred Jawatan : JA40

iii. Kekosongan : 1

iv. Syarat Kelayakan :

Penolong Jurutera Tertinggi Gred JA38 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Ketua Penolong Jurutera Gred JA40 yang kosong apabila telah :

- a. disahkan dalam perkhidmatan;
- b. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
- c. diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

v. Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji JA40

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM5,015.00	RM9,001.00	RM225.00